

# KDNK catat pertumbuhan 6.2 peratus

**KOTA KINABALU** 19 Jun

- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku pertama 2014 mencatat kadar pertumbuhan 6.2 peratus, kata Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan.

Menurutnya, dari segi penge-  
luaran, pertumbuhan itu diterajui  
industri perkhidmatan, yang tumbuh  
6.6 peratus, dan pembuatan  
(6.8 peratus) manakala dari segi  
permintaan ia didorong oleh kesan  
momentum kukuh perbelanjaan  
pengguna akhir swasta (7.1 peratus),  
pembentukan modal tetap kasar  
(6.3 peratus) dan pemulihan dalam  
sektor luaran (eksport: 7.9 peratus).

“Daripada data-data ini, kita da-  
pat lihat bahawa kemajuan ekonomi  
Malaysia terus mantap walaupun  
berhadapan dengan senario ekono-  
mi global yang tidak menentu,” ka-  
tanya ketika berucap pada majlis  
sesi bersama responden ‘Kepen-  
tingan Statistik Perdagangan Edaran  
Pemacu Ekonomi Sabah & Negara’,  
di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata, ber-  
dasarkan laporan prestasi Program  
Transformasi Ekonomi (ETP) se-  
lepas tiga tahun perlaksanaannya,  
seperti yang dibentangkan Per-  
dana Menteri Datuk Seri Najib Tun  
Razak, kerajaan berjaya mewujud-



• Daripada data-data ini, kita  
dapat lihat kemajuan ekonomi  
Malaysia terus mantap walaupun  
berdepan dengan senario ekonomi  
global yang tidak menentu

ABDUL RAHMAN HASAN  
Ketua Perangkaan Malaysia

kan 196 projek dengan pelaburan komited berjumlah RM219.3 bilion, yang dijangka menyumbang RM144 bilion kepada KDNK dan mewujudkan hampir 440,000 pekerjaan baharu.

Berdasarkan laporan prestasi berkenaan juga, beliau berkata, dalam sektor perkhidmatan borong dan runcit, 616 kedai dalam Pro-  
gram Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah dimodenkan, dan 78 peratus daripada kedai berkenaan berjaya meningkatkan hasil.

Menurutnya, sebanyak 368 beng-  
kel automotif juga berjaya ditrans-  
formasikan dalam program Pemod-  
enan Bengkel Automotif (ATOM)  
sejak 2011, dan daripada jumlah itu,  
81 peratus bengkel telah meraih ke-  
untungan.

Mengenai Banci Perdagangan

Edaran 2014 yang bermula Mac lepas dan berakhir September ini, Abdul Rahman berkata, bancian melalui kaedah e-mel dan bersemuka itu melibatkan 594,445 syarikat di seluruh negara, termasuk 30,000 syarikat di Sabah.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, Norezan Wahid pula berkata, Jabatan Per-  
angkaan membuka pejabat operas-  
inya di lima daerah, masing-masing di Tawau, Sandakan, Keningau, Lahad Datu dan Kota Marudu, bagi menjaga hubungan baik dengan re-  
sponden.

“Pejabat operasi ini menjadi pusat pengumpulan data bagi daerah-daerah berdekatan sebelum diselaraskan dan diproses di pejabat Kota Kinabalu dan seterusnya di ibu pejabat Putra-  
jaya,” katanya. -BERNAMA